

Publication: Berita Harian, p 3

Date: 14 May 2013

Headline: Recommendation to establish a framework and a professional code of conduct

Syor wujudkan rangka kerja dan kod etika

Dapat dijadikan panduan bagi AP semasa proses penyerahan majlis bandaran

PENGERUSI Penyelaras Majlis Bandaran Parti Tindakan Rakyat, Dr Teo Ho Pin, menganjurkan diwujudkan satu rangka kerja dan kod tingkah laku profesional bagi membimbing Anggota Parlimen (AP) dalam perlaksanaan proses penyerahan majlis bandaran.

Memulakan perdebatan berikutan kenyataan Menteri Pembangunan Negara, Encik Khaw Boon Wan, mengenai semakan kementerian ke atas majlis bandaran, Dr Teo berkata beliau memahami terdapat kebimbangan awam mengenai penyerahan tanggungjawab berikutnya perubahan parti politik yang menguruskan bandar atau perubahan sempadan kawasan undi.

Beliau berkata, AP yang dipilih tidak seharusnya terlibat dalam "permainan menuding jari" dan mempolitikkan proses penyerahan.

"Mungkin perlu diadakan kod etika untuk memastikan penyerahan yang lancar, sama seperti apa yang diamalkan dalam pengurusan strata apabila terdapat perubahan ejen pengurusan," kata Dr Teo, yang juga pengurus Majlis Bandaran Holland-Bukit Panjang.

Beliau menggesa Kementerian Pembangunan Negara (MND) agar mengkaji aspek penyerahan.

MND juga boleh menjadi penimbangtarai sekiranya berlaku apa-apa pertikaian semasa penyerahan, katanya.

Memerhatikan bahawa semakan kementerian terhadap urusan antara majlis bandaran PAP dan Action Information Management Pte Ltd (AIM), sebuah firma IT milik PAP,



DR TEO HO PIN: Majlis bandaran mesti sentiasa bertanggungjawab kepada penduduk dan menawarkan khidmat yang berbaloi.

menunjukkan semuanya mengikut peraturan, Dr Teo berkata majlis bandaran PAP mempunyai "tadbir urus yang baik".

"Sebagai penjaga penduduk dan dana awam, majlis bandaran mesti sentiasa bertanggungjawab kepada penduduk dan menawarkan khidmat yang berbaloi."

Dr Teo memetik contoh bagaimana majlis-majlis bandaran PAP bekerjasama bagi memberi manfaat kepada penduduk seperti berkongsi sumber dan amalan menjana penjimatan kos.

Seorang lagi AP, Cik Denise Phua (GRC Moulmein-Kallang), berkata semakan yang dijalankan MND telah membantu menjelaskan sejarah dan sifat politik majlis bandaran.

Menurut beliau, isi majlis bandaran mempunyai urusan dengan firma yang ada hubung kait dengan parti politik tidak sepatutnya menjadi isi kerana Akta Majlis Bandaran membenarkannya.

Andainya peraturan dan model operasi sejia ada kurang sempurna, MND harus disokong untuk menyemak peraturan majlis bandaran.

"Adalah tidak wajar kita menuding jari tetapi lebih penting, tanpa mengira parti, bersama-sama mengurangkan kekurangan dan membangunkan sistem yang lebih telus dan jelas," ujar Cik Phua.

Beliau juga memberi beberapa saranan bagi memperbaiki pengurusan majlis bandaran, antaranya mengkaji amalan terbaik dari bandar-bandar antarabangsa dan mendekati penduduk untuk mencerna idea tentang bandar idaman mereka.

Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Penolong Profesor Eugene Tay, pula menolak saranan agar pengurusan estet diserahkan semula kepada sebuah pertubuhan pusat seperti HDB.

"Jika ini berlaku, HDB akan menggunakan sistem yang serupa untuk semua bandar dan ini bermakna keunikan, keistimewaan serta keperluan estet, sama ada berdasarkan sejarah, demografi dan sekitaran, sukar dipenuhi."

"AP yang dipilih pula tidak lagi berpeluang mentadbir dan menguruskan estet demi memperbaiki kehidupan penduduk," ujar Profesor Tay.

Selain itu, beliau juga melahirkan keprihatinan mengenai peraturan yang membenarkan majlis bandaran berurusan dengan firma yang ada hubung kait dengan parti politik.

Menurut pemerhatian beliau, semua parti politik yang pernah menguruskan majlis bandaran juga pernah berurusan dengan pihak-pihak yang berkait.

"MND perlu memperkenalkan langkah bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti."

"Perlunya proses bagi pengisytiharan urus niaga sedemikian serta maklumat yang boleh diperolehi awam mengenai urus niaga yang melibatkan pihak yang ada kaitan dengan majlis bandaran," kata Profesor Tay.

Sementara itu, Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi, Cik Lina Chiam, berkata akta perlu disemak bagi menangani keprihatinan awam tentang isu-isu kepentingan bercanggah dan kriteria pemberian tender majlis bandaran.

' Adalah tidak wajar kita menuding jari tetapi lebih penting, tanpa mengira parti, bersama-sama mengurangkan kekurangan dan membangunkan sistem yang lebih telus dan jelas.

- Cik Denise Phua (GRC Moulmein-Kallang), yang turut memberi beberapa saranan bagi memperbaiki pengurusan majlis bandaran.